




STATISTIK PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI) DI MALAYSIA 2024


FDI mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak **RM51.5 bilion** pada tahun 2024, manakala pendapatan yang dijana berjumlah **RM99.8 bilion**



SEKTOR UTAMA




KOMPONEN




RANTAU DAN NEGARA UTAMA

ALIRAN



PENDAPATAN



Nota: b merujuk kepada bilion

Sumber: Statistik Pelaburan Langsung Asing di Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia



FDI mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM51.5 bilion pada tahun 2024, manakala pendapatan yang dijana berjumlah RM99.8 bilion

- Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi RM51.5 bilion pada tahun 2024, meningkat daripada RM38.6 bilion pada tahun sebelumnya.
- Jumlah pendapatan yang diperoleh oleh syarikat asing di Malaysia meningkat kepada RM99.8 bilion, meningkat daripada RM88.4 bilion pada tahun 2023. Ini terutama dalam pendapatan bagi ekuiti & dana pelaburan saham berjumlah RM95.9 bilion dan faedah RM3.9 bilion.
- Pada akhir tempoh 2024, kedudukan kumulatif FDI berada pada RM995.5 bilion berbanding RM924.0 bilion pada tahun lepas.
- Aliran FDI dalam bentuk ekuiti dan dana pelaburan saham merekodkan aliran masuk bersih RM28.0 bilion menyumbang kepada kedudukan terkumpul berjumlah RM832.9 bilion. Manakala, instrumen hutang mencatatkan aliran masuk bersih yang RM23.5 bilion dan kedudukannya bernilai RM162.6 bilion.
- Dari segi sektor, Perkhidmatan menyumbang aliran masuk FDI tertinggi berjumlah RM39.4 bilion dan kedudukan pada RM524.8 bilion, diikuti oleh Pembuatan. Sebaliknya, sektor Pembuatan menjana pendapatan FDI tertinggi dengan nilai RM54.6 bilion, diikuti oleh Perkhidmatan.
- Dari sudut geografi, aliran FDI terbesar pada tahun 2024 adalah terutamanya dari rantau Asia yang berjumlah RM50.3 bilion, dengan Singapura dan Hong Kong merupakan sumber utama. Sementara itu, pelabur dari rantau ini juga memperoleh pendapatan tertinggi sebanyak RM46.5 bilion.

